



## JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA

[(Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)]

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya.



Telefon : 03-8870 8000

Faks : 03-8870 8004

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

### KENYATAAN MEDIA

#### MAFI PRIHATIN

#### RAMPASAN PRODUK SEJUK BEKU BERNILAI RM2.33 JUTA DISUMBANGKAN KEPADA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN, DIJADIKAN SUMBER BEKALAN MAKANAN HAIWAN & TERNAKAN IKAN

**KUALA LUMPUR, 26 Oktober** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) hari ini melupuskan sitaan produk sejuk beku dengan cara serahan sumbangan bekalan makanan haiwan kepada enam (6) Jabatan dan Agensi berupa produk daging sejuk beku hasil rampasan yang telah dilucuthakkan membabitkan kes dari September hingga Oktober 2021 sebanyak 11 tan bernilai RM106 ribu di Zoo Negara, hari ini.

Serahan sumbangan ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan kepada Jabatan dan Agensi yang dimaksudkan antaranya pihak Zoo Negara, Penjara Marang Terengganu, Penjara Penor Kuantan Pahang, Penjara Pengkalan Chepa Kelantan, Penjara Machang, Kelantan serta wakil dari *National Wildlife Rescue Center (NWRC)* Perak di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Secara keseluruhannya, setakat Oktober 2021, sumbangan seberat 146 tan produk daging sejuk beku dengan nilai rampasan bernilai RM2.33 juta adalah produk yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara. Kesemua serahan itu adalah hasil daripada sitaan terhadap pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses lucut hak di bawah kesalahan subseksyen 11 (1) dan 15 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program MAFI Prihatin, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, Tuan Shamsul Akbar Bin Sulaiman, Ketua Pengarah MAQIS dan Dr. Azhari Sharidan bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah MAQIS.

Inisiatif sumbangan bekalan makanan haiwan di bawah program MAFI Prihatin ini diharap dapat membantu meringankan beban pihak yang terlibat dalam menampung sumber bekalan makanan haiwan dan ternakan ikan dibawah seliaan mereka.

MAFI melalui MAQIS komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada mana-mana agensi serta Jabatan yang memerlukan seperti pihak Zoo dan pihak Penjara di mana sitaan tersebut akan dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli bagi projek rehabilitasi banduan di penjara serta sumber makanan haiwan di zoo dan pusat konservasi hidupan liar.

MAFI tegas menguatkuasakan undang-undang negara dalam memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan makhluk perosak dan penyakit merbahaya yang boleh mengancam sektor pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di kesemua pintu masuk negara.

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

**#MAFIMalaysia**

**#MAFIPrihatin**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi:

Mohd Redha bin Rozlan – 017 911 0622